



MAJLIS DAERAH KERIAN



# HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2023

GEN3si5 | MAJLIS DAERAH KERIAN



## LAPORAN INOVASI Kompos Sisa Rumput (myKSR)



NO. 1, WISMA MDK, JALAN PADANG,  
34200 PARIT BUNTAR, PERAK.



[WWW.MDKERIAN.GOV.MY](http://WWW.MDKERIAN.GOV.MY)

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Majlis Daerah Kerian (MDK) mengalami pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan saban tahun seiring dengan aktiviti pertanian. Pertanian tidak dapat lari daripada penggunaan baja kimia dan isu penggunaan baja kimia berlebihan bukan lagi isu baru untuk dibahaskan. Kita sedia maklum penggunaan baja kimia secara berlebihan akan menjejaskan kesuburan tanah dan boleh menyebabkan kematian hidupan akuatik sekiranya ladang atau kebun berdekatan dengan sumber air.

Bagi menyelesaikan masalah penggunaan baja kimia yang berlebihan, pembuatan baja kompos rumput (myKSR) yang dijalankan oleh Kumpulan GEN3si5 di bawah Bahagian Landskap, Majlis Daerah Kerian dilihat boleh mengurangkan kebergantungan penggunaan baja kimia untuk menghasilkan pokok yang lebih subur selain dapat menjaga ekosistem alam sekitar.

Pemilihan produk ini berdasarkan kaedah kajian 5W 1H dan SWOT bagi menentukan masalah yang dihadapi dan cara penyelesaian yang tepat. Kajian ini juga telah mengupas pelbagai impak daripada produk yang telah dihasilkan, antaranya penggunaan baja kompos telah berjaya menghasilkan tanaman yang lebih sihat, dapat membantu menyuburkan tanah selain menjimatkan kos, menjamin keselamatan pekerja dan alam sekitar.